



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agenzia di bawah KPDNHEP)

SOALAN LAZIM

LANJUTAN MASA UNTUK EDARAN PENYATA KEWANGAN, MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN SERAH SIMPAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 1 NOVEMBER 2020 SEHINGGA 31 JANUARI 2021

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah tujuan inisiatif ini?	Untuk membolehkan syarikat mematuhi kehendak undang-undang yang relevan termasuk menyediakan penyata kewangan, mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), menyempurnakan dokumen-dokumen statutori berkaitan, serta membolehkan firma-firma audit menyempurnakan tugas yang tertangguh dalam jangka waktu yang lebih munasabah.
2.	Bolehkah syarikat dengan tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2020 dan lebih awal memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini?	Tidak, syarikat dengan tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2020 (atau lebih awal) tidak layak untuk inisiatif ini. Hanya syarikat dengan tahun kewangan berakhir daripada 1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021 boleh memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini (syarikat yang layak). Sila rujuk Jadual Pertama, Arahan Amalan 8/2021.
3.	Bilakah sesebuah syarikat boleh mula memohon bagi pelanjutan masa edaran dan serah simpan penyata kewangan di bawah inisiatif ini?	Di bawah inisiatif ini, permohonan boleh dibuat oleh syarikat yang layak bermula daripada 1 Jun 2021 sehingga 31 Julai 2021.

4.	Adakah SSM mengenakan bayaran untuk permohonan lanjutan masa bagi edaran penyata kewangan, mengadakan AGM dan serah simpan penyata kewangan seperti lazimnya?	Tidak, bayaran untuk permohonan lanjutan masa di bawah inisiatif ini dikecualikan.
5.	Bagaimakah cara membuat permohonan lanjutan masa ini? Bolehkah permohonan dibuat melalui sistem MBRS atau kaunter SSM?	Permohonan hanya boleh dibuat dengan menghantar permohonan melalui emel kepada eotmco3@ssm.com.my Kandungan permohonan emel tersebut perlu mengikut format emel yang disediakan di dalam Lampiran (A).
6.	Bolehkah syarikat persendirian (sendirian berhad) memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini?	Boleh. Permohonan ini boleh dibuat oleh kedua-dua syarikat awam dan syarikat sendirian berhad.
7.	Syarikat dengan tahun kewangan berakhir bilakah yang boleh memohon lanjutan masa yang dimaksudkan di bawah inisiatif ini?	Hanya syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir bermula 1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021 sahaja yang layak untuk memohon lanjutan masa di bawah inisiatif ini (syarikat yang layak).
8.	Berapa lamakah lanjutan masa yang diberi bagi tujuan pelanjutan masa edaran penyata kewangan, mengadakan AGM dan serah simpan penyata kewangan yang diberikan di bawah inisiatif ini?	Lanjutan masa yang diberi ialah selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh akhir asal edaran penyata kewangan, mengadakan AGM dan serah simpan penyata kewangan.
9.	Bilakah tarikh akhir edaran atau serah simpan penyata kewangan yang dilanjutkan bagi tahun kewangan yang berakhir di antara 1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021?	Lanjutan masa yang diberi ialah bagi tempoh 90 hari dari tarikh akhir edaran dan serah simpan penyata kewangan. Sila rujuk contoh di bawah:- <u>Contoh 1</u> Tahun kewangan berakhir: 30/11/2020 Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 31/05/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 30/06/2021

	<p>Lanjutan masa di bawah Arahan Amalan 8/2021</p> <p>Berdasarkan perenggan 17 Arahan Amalan 8/2021, lanjutan masa yang diberikan adalah 90 hari.</p> <p><u>Pelanjutan Masa 90 Hari</u></p> <p>Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 29/08/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 28/09/2021</p> <p><u>Contoh 2</u></p> <p>Tahun kewangan berakhir: 31/12/2020 Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 30/06/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 30/07/2021</p> <p>Lanjutam Masa di bawah Arahan Amalan 8/2021</p> <p>Berdasarkan perenggan 17 Arahan Amalan 8/2021, lanjutan masa yang diberikan adalah 90 hari.</p> <p><u>Pelanjutan Masa 90 Hari</u></p> <p>Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 28/09/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 28/10/2021</p> <p><u>Contoh 3</u></p> <p>Tahun kewangan berakhir: 31/01/2021 Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 31/07/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 30/08/2021</p>
--	---

	<p>Inisiatif Covid-19</p> <p>Berdasarkan perenggan 17 Arahan Amalan 8/2021, lanjutan masa yang diberikan adalah 90 hari.</p> <p><u>Pelanjutan Masa 90 Hari</u></p> <p>Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 29/10/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 28/11/2021</p>
10.	<p><u>Contoh 4</u></p> <p><i>Syarikat Berhad</i></p> <p>Tahun kewangan berakhir: 30/11/2020 Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 10/05/2021 Tarikh akhir mengadakan AGM: 31/05/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 30/06/2021</p> <p>Lanjutan Masa di bawah Arahan Amalan 8/2021</p> <p>Tarikh akhir edaran penyata kewangan: 08/08/2021 Tarikh akhir mengadakan AGM: 29/08/2021 Tarikh akhir serah simpan penyata kewangan: 28/09/2021</p> <p>Syarikat Berhad perlu mematuhi seksyen 258 Akta Syarikat 2016 yang berkaitan dengan edaran penyata kewangan sebelum sesebuah AGM. Penyata kewangan hendaklah diedar sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh AGM yang baharu tersebut.</p>

11.	Apakah status permohonan lanjutan masa syarikat yang layak di bawah Arahan Amalan ini yang telah dibuat sebelum 1 Jun 2021?	<p>Syarikat adalah layak membuat permohonan lanjutan masa di bawah Arahan Amalan ini.</p> <p>Walau bagaimanapun, bayaran yang telah dikemukakan bagi permohonan lanjutan masa yang dibuat sebelum pemakaian Arahan Amalan ini tidak akan dikembalikan.</p>
12.	Bolehkah permohonan dibuat oleh pengarah syarikat?	Tidak boleh. Permohonan perlu dibuat oleh setiausaha syarikat.
13.	Apakah contoh dokumen atau proses yang menyebabkan terdapat keperluan pelanjutan masa?	<ul style="list-style-type: none"> (a) Penyediaan Penyata Kewangan. (b) Penyediaan Laporan Pengarah. (c) Proses pengauditan serta penyediaan Laporan Juruaudit. (d) Edaran Penyata Kewangan kepada ahli. (e) Pembentangan Penyata Kewangan di dalam AGM.
14.	Bolehkah syarikat yang sebelumnya telah menyerah simpan permohonan lanjutan masa melalui kaunter atau sistem MBRS dan permohonan tersebut telah ditolak, memohon semula di bawah inisiatif ini?	Boleh. Syarikat yang sebelumnya telah memohon lanjutan masa melalui kaunter atau sistem MBRS dan permohonan lanjutan masanya ditolak boleh memohon semula di bawah inisiatif ini dengan syarat tahun kewangan berakhir syarikat adalah di dalam lingkungan 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021.
15.	Bolehkah satu emel mengandungi banyak permohonan?	Satu emel boleh mengandungi sehingga maksimum 10 permohonan. Anda boleh merujuk kepada arahan di Lampiran (A).
16.	Apakah status permohonan lanjutan masa saya yang telah dibuat melalui emel ke eotmco3@ssm.com.my sekiranya saya tidak menerima maklum balas daripada SSM?	<p>Permohonan lanjutan masa melalui emel yang telah dipohon dan tidak menerima balasan emel automatik (auto reply) dari SSM akan dianggap DILULUSKAN sekiranya memenuhi SYARAT seperti yang dinyatakan dalam Pindaan PD 8/2021 termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Bagi permohonan pelanjutan masa dan serah simpan penyata kewangan di bawah Seksyen 259(2) Akta Syarikat 2016, permohonan anda diluluskan

		<p>secara automatik selama 90 hari daripada tarikh akhir edaran dan tarikh akhir serah simpan penyata kewangan yang sepatutnya sekiranya permohonan anda memenuhi syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021; atau (ii) Maklumat yang dikemukakan adalah betul. <p>(b) Bagi permohonan pelanjutan masa mengadakan AGM di bawah Seksyen 340 Akta Syarikat 2016, permohonan anda dengan ini diluluskan secara automatik selama 90 hari daripada tarikh akhir AGM syarikat yang akan diadakan jika permohonan anda memenuhi keperluan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Syarikat awam yang mempunyai tahun kewangan berakhir 1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021; (ii) Maklumat yang diserahterjemahkan dikemukakan adalah betul. <p>Sila ambil maklum permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Arahan Amalan 8/2021 adalah TIDAK DILULUSKAN DAN TIADA NOTIFIKASI EMEL akan dihantar.</p> <p><i>Sila simpan salinan emel permohonan pelanjutan masa anda untuk tujuan rujukan SSM kelak bagi permohonan yang layak.</i></p>
17.	Sekiranya syarikat tidak mengikuti kehendak inisiatif ini seperti yang terdapat di dalam Arahan Amalan 8/2021 seperti memberikan	Setiausaha syarikat perlu memastikan bahawa maklumat yang betul disediakan dan permohonan perlu dihantar kepada eotmco3@ssm.com.my

	<p>maklumat yang salah, menghantar permohonan lanjutan masa ke alamat emel yang salah dan lain-lain, adakah syarikat boleh mengemukakan rayuan?</p>	<p>Jika maklumat yang diberikan tidak betul atau tidak lengkap, permohonan itu dianggap TIDAK DILULUSKAN.</p> <p>Tiada rayuan dibenarkan untuk permohonan pelanjutan masa. Bagaimanapun, syarikat boleh menghantar permohonan lanjutan masa yang baharu.</p>
--	---	--

Bertarikh: 1 Jun 2021

LAMPIRAN (A)

Sila salin format ini ke dalam emel anda dan lengkapkan semua butiran yang diperlukan. Jangan lampirkan sebarang dokumen dalam emel anda sekiranya permohonan adalah untuk lima (5) syarikat atau kurang.

Sekiranya permohonan adalah untuk enam (6) sehingga maksimum 10 syarikat, anda boleh melampirkan maklumat di dalam dokumen dan emelkan kepada SSM terhad kepada maksimum 10 syarikat di dalam satu lampiran sahaja bagi setiap emel. Semua permohonan mesti mengikut format di bawah.

LANJUTAN MASA DI BAWAH ARAHAN AMALAN 8/2021

PERMOHONAN PERLANJUTAN MASA UNTUK *EDARAN PENYATA DAN LAPORAN KEWANGAN /* * MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM)/* SERAH SIMPAN PENYATA DAN LAPORAN KEWANGAN. (Sila padam mana-mana yang tidak berkenaan.)

Nama Syarikat:

Nombor Syarikat:

Tahun Kewangan Berakhir:

Tarikh akhir edaran Penyata Kewangan (PK) yang sepatutnya:

**Tarikh akhir Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang sepatutnya:

Tarikh akhir serah simpan PK yang sepatutnya:

Tarikh akhir edaran PK di bawah Arahan Amalan 8/2021 (90 hari lanjutan):

* * Tarikh akhir AGM di bawah Arahan Amalan 8/2021 (90 hari lanjutan):

Tarikh akhir serah simpan PK di bawah Arahan Amalan 8/2021 (90 hari lanjutan):

Deklarasi:

Saya mengesahkan bahawa fakta dan maklumat yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah benar dan di dalam pengetahuan saya.

Nama Setiausaha Syarikat:

No Lesen/Keahlian:

Nombor Sijil Amalan SSM:

Nota: Semua tarikh mesti menggunakan format **dd/mm/yyyy** .

*-Anda boleh memohon pelanjutan masa untuk satu atau semua inisiatif, (yang mana terpakai untuk syarikat anda).

* *-Lanjutan masa mengadakan AGM hanya terpakai kepada syarikat awam sahaja.